

PERLAKSANAAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN: SATU PEMERHATIAN TERHADAP OPERASI KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT

(Zakat Implementation in Federal Territory: An Observation on Zakat Collection & Distribution Operations)

¹ MUHSIN NOR PAIZIN¹

¹ Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP), 68-1-6, Dataran Shamelin, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur, Malaysia.

ABSTRAK

Zakat merupakan salah satu instrumen kewangan dan sumber pembangunan ekonomi Islam. Zakat berpotensi mengurangkan jurang kemiskinan di samping mengukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam setempat. Statistik menunjukkan peningkatan kutipan zakat berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Melalui penelitian kepada statistik kutipan zakat di Wilayah Persekutuan, dapat dijangka angka kutipan zakat akan terus meningkat pada tahun-tahun berikutnya atas usaha-usaha dakwah yang telah dijalankan oleh institusi zakat. Tidak ketinggalan juga pelbagai perubahan dan perkembangan yang telah berlaku dalam aktiviti agihan zakat dibuktikan daripada pertumbuhan jumlah agihan dan aset yang dimiliki oleh badan bertanggungjawab. Pengenalan terhadap pelbagai bentuk dan skim-skim agihan zakat kepada masyarakat diharap dapat meningkatkan keyakinan pembayar untuk terus menunaikan kewajipan berzakat. Namun, institusi-institusi zakat ini tidak sunyi dari isu-isu semasa yang sentiasa menjadi kritikan oleh masyarakat. Lantas, kertas akan membincangkan usaha dan pelaksanaan operasi dari sudut kutipan dan agihan zakat berdasarkan pemerhatian serta menggariskan beberapa cadangan agar penambahbaikan yang lebih sesuai dan komprehensif dapat dilaksanakan. Antara cadangan-cadangan tersebut ialah mempergiatkan usaha kempen dan dakwah zakat, juga aktiviti zakat yang lebih memberi manfaat kepada para asnaf serta menyeluruh. Pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan adalah bertujuan untuk membentuk pembangunan ekonomi yang baik bagi menjamin kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara Islam.

Kata kunci: Kutipan Zakat, Agihan Zakat, Pelaksanaan Zakat di Wilayah Persekutuan

ABSTRACT

Zakat is one of the financial instruments and resource of development to Muslim's economy. Zakat have potential to reduce poverty while strengthening the economic position of local Muslims. Statistics show an increase zakat collection occurred in Federal Territory of Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan. Through examine on the statistics of zakat collected in Federal Territory, Malaysia we can expected the collection figures will continue to increase in subsequent years from efforts that have been undertaken by zakat institution. Various changes and developments also have occurred in the process of distribution zakat fund, proved by growth in the amount of distribution and assets owned by the responsible body. The introduction of a variety of shapes and zakat distribution schemes to the community is expected to boost the confidence of zakat payers to continue perform their obligations. However, these zakat institutions are not free from issues, which are often criticized by the public. Thus, the paper will discuss the operation and implementation of the collection and distribution of zakat based on observations and come out with some suggestions for improvement which are more suitable and can be implemented comprehensively. Among the suggestions is intensifying efforts to campaign and distributions activity must be more beneficial to the recipients as well as comprehensive. Comments and suggestions that have been presented are intended to create a favorable economic development in order to ensure the progress and prosperity of a nation of Islam.

Keywords: Zakat collection, Zakat distribution, Zakat implementation in Federal territory.

PENDAHULUAN

Zakat dari sudut bahasa ialah bersih, suci, bertambah dan berkembang. Zakat juga boleh diertikan sebagai suatu rahmat, kebaikan, penyucian dan peningkatan. Zakat dari sudut istilah ialah mengeluarkan sebahagian harta yang tertentu kepada asnaf yang berhak dengan syarat-syarat yang tertentu. Zakat dalam Islam merupakan ibadah dan satu kefarduan kepada umatnya. Ia mempunyai pengaruh penting dalam sistem pentadbiran negara Islam dan merupakan kaedah pengurusan kewangan yang bermatlamat untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kesempitan hidup. Zakat meletakkan tanggungjawab kepada golongan yang berada terhadap golongan asnaf yang telah jelas dinyatakan dalam al-Quran. Kepentingan pelaksanaan zakat di sesebuah negara adalah bagi menjamin keadilan dan kestabilan sosial serta merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat dan menghindari dari berlakunya permusuhan dan sifat dengki sesama manusia.

STRUKTUR PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA

Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menyenaraikan hal berkaitan agama Islam adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri-negeri iaitu diletakkan di bawah

Perlembagaan Persekutuan: Jadual Kesembilan, Senarai 2: Senarai Negeri, yang menyenaraikan perkara-perkara berkaitan urusan wasiat, zakat, baitulmal dan sebagainya. Negeri-negeri telah memperuntukkan perkara berkaitan kutipan dan agihan zakat melalui Akta atau Enakmen negeri masing-masing. Ini jelas dilihat dalam Enakmen khusus zakat ataupun sebahagian daripada peruntukkan dalam Akta dan Enakmen pentadbiran agama pihak berkuasa iaitu Majlis Agama Islam negeri-negeri antaranya dalam Akta 559: Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Zakat dan Fitrah (Negeri Sabah) 1993.

ORGANISASI ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

Wilayah Persekutuan Malaysia terdiri daripada Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Badan yang bertanggungjawab memungut dan mengagihkan zakat di Wilayah Persekutuan ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang ditubuhkan melalui seksyen 4(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 Akta 505 yang menyebut bahawa: “Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam”.

Sejak tahun 1991, operasi pengutipan zakat kemudiannya diuruskan oleh sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh MAIWP dan dinamakan sebagai Hartasuci Sdn. Bhd. yang menggunakan jenama Pusat Pungutan Zakat (PPZ) selaras dengan seksyen 8A(1) yang menyatakan bahawa: “Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan atau kuasanya di bawah seksyen 7”. PPZ merupakan anak syarikat milik penuh MAIWP bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pengutipan zakat serta usaha menyampaikan dakwah zakat kepada masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

Operasi agihan zakat dikelolakan sepenuhnya oleh Bahagian Baitulmal, MAIWP. Tertubuhnya Baitulmal MAIWP pula mengikut seksyen 60(1) yang memperuntukkan bahawa: “Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang ini hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang”. Di bawah Bahagian Baitulmal turut terdapat jawatankuasa yang berperanan meneliti dan meluluskan agihan zakat iaitu Jawatankuasa Baitulmal yang diketuai oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

ISU YANG DIHADAPI OLEH INSTITUSI ZAKAT

Pada awal tahun 90'an, institusi zakat telah berubah corak pengurusannya terutamanya dari aspek kutipan zakat apabila tertubuhnya PPZ. Sejak itu, kutipan zakat di Wilayah Persekutuan terus meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan hasil kutipan membolehkan Baitulmal, MAIWP pula mengagihkan zakat dengan lebih menyeluruh serta menjalankan projek-projek berskala besar untuk dinikmati oleh asnaf-asnaf yang memerlukan bantuan. Namun, masih timbul beberapa isu yang kini dihadapi oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Sebagai contoh petikan yang diambil dari artikel dalam berita internet: "Umum mengetahui bahawa kutipan zakat meningkat dari setahun ke setahun. Peningkatan jumlah zakat yang begitu banyak menyebabkan ketidakseimbangan antara jumlah yang dikutip dan jumlah yang diagih kepada asnaf. Natijahnya, berlaku lebihan dana yang tidak diagihkan." (Malaysian Insider, 20 Disember 2013)

Di samping itu, kritikan juga telah diberi melalui artikel lain dalam akhbar perdana: "Sepatutnya dengan adanya pelbagai badan dan usaha yang disediakan kerajaan, sudah tidak timbul lagi kisah orang miskin keciciran daripada pengetahuan pihak berwajib seperti JKM dan Jabatan Agama yang menguruskan pemberian zakat" (Berita Harian, 1 Ogos 2013: 31). Secara perbandingan terhadap komen dan sungutan orang ramai, kurang isu yang serius dihadapi dalam aspek kutipan berbanding aspek agihan. Dengan kata lain, kebanyakan isu yang ditimbulkan dalam pengurusan zakat ialah terhadap kecekapan agihan zakat.

Lantas kajian menggariskan objektif bahawa perlunya kepada suatu penelitian dan pemerhatian terperinci berkenaan aspek pengurusan dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh institusi zakat Wilayah Persekutuan, seterusnya menggariskan cadangan-cadangan akan perkara yang perlu ditambah baik oleh agar matlamat penubuhan institusi tersebut tercapai.

KUTIPAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

PPZ semenjak awal penubuhan telah memperkenalkan pelbagai jenis perkhidmatan dengan tujuan menggalakkan orang Islam untuk memahami pelbagai permasalahan berkenaan zakat. Tahun demi tahun mencatatkan pembaharuan dan perkembangan jenis-jenis zakat yang dikutip (*al-mustaghallat*) antaranya seperti; zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat wang simpanan, zakat saham, zakat kwsp, zakat emas, qada zakat dan beberapa jenis kutipan lain yang diwajibkan dan disunatkan kepada umat Islam. (Laporan Zakat PPZ 2012).

JADUAL 1 Statistik Kutipan & Pembayar Mengikut Jenis Zakat di Wilayah Persekutuan

Bil.	Jenis Zakat	2012		2011	
		(RM)	(Pembayar)	(RM)	(Pembayar)
1	Pendapatan	264,814,612.05	97,235	231,654,305.89	84,652
2	Perniagaan	74,424,879.13	1,844	54,863,159.26	1,571
3	Wang Simpanan	20,473,911.68	9,184	18,435,555.20	8,607
4	Saham	1,308,423.97	688	1,047,541.65	593
5	KWSP	3,652,852.63	2,266	3,127,703.19	2,057
6	Emas	1,473,835.28	1,996	901,372.19	1,557
7	Perak	12,745.52	63	8,053.50	18
8	Qada Zakat	512,385.13	332	596,728.83	287
9	Harta	34,540,891.26	4,668	29,372,547.29	4,349
10	Tanaman	14,234.50	20	13,438.70	17
11	Ternakan	790.00	3	1,279.40	5
12	Galian	1.00	1	0.00	0
13	Fitrah	28,734.70	1,087	27,740.80	1,144
14	Lain-lain kutipan	1,555,343.03	4,873	1,280,743.95	3,837
	Jumlah	402,813,639.88	124,260	341,330,169.85	108,694
	Jumlah Bil. Pembayar Sebenar		114,442		100,497

Sumber: Laporan Zakat 2012 PPZ-MAIWP

JADUAL 1 menunjukkan jumlah kutipan zakat paling besar adalah daripada Zakat Pendapatan yang telah menyumbang lebih 60% daripada keseluruhan, diikuti oleh Zakat Perniagaan, Zakat Harta dan Zakat Wang Simpanan. Peningkatan kutipan zakat adalah sekitar 18%. Begitu juga jadual menunjukkan pada tahun 2012 mencatatkan jumlah bilangan pembayar sebanyak 114,442 orang meningkat 14% dari tahun 2011 iaitu 100,497 orang.

USAHA MENINGKATKAN JUMLAH KUTIPAN ZAKAT

Melalui beberapa artikel yang diperoleh, dapat dilihat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah pungutan zakat, antaranya:

1. Kempen Melalui Media Massa

PPZ telah berkempen untuk mempromosikan kewajipan mengeluarkan zakat melalui kerjasama dengan media cetak dan elektronik. Antara media yang sering kali membuat liputan berkenaan aktiviti PPZ ialah media cetak seperti surat khabar dan majalah. PPZ juga tidak ketinggalan mendapat liputan melalui media

elektronik terutamanya slot-slot khas siaran radio serta iklan-iklan ringkas dalam siaran televisyen (Laporan Zakat PPZ 2012). Kempen yang dijalankan bukan sahaja meliputi dakwah berkenaan zakat, malah turut juga menyelitkan unsur keagamaan seperti solat, puasa, sirah, akhlak dan juga motivasi.

2. Taklimat Zakat dan Pembukaan Kaunter Cawangan

PPZ berdakwah dan menyalurkan informasi zakat menerusi ceramah di pejabat-pejabat kerajaan dan syarikat-syarikat swasta, sesi taklimat kepada majikan, persatuan, NGO serta khutbah Jumaat. Begitu juga dengan penganjuran seminar zakat seperti program Nadwah Interaktif Amil (NIA) 2011 dan 2012, bagi mengupas segala isu dan permasalahan zakat oleh golongan ahli akademik dan juga para pelaksana zakat itu sendiri (Laporan Zakat PPZ 2012). Kutipan zakat secara kelompok adalah satu cara di mana PPZ membuka kaunter-kaunter perkhidmatan sementara di pejabat-pejabat kerajaan mahu pun pejabat syarikat swasta. Kaedah ini diperkenalkan dengan objektif untuk membantu mereka yang tidak berkesempatan ke pejabat PPZ disebabkan halangan seperti masa, pekerjaan dan sebagainya (Rais Alias, 2004). Sebagai tambahan, pada tahun 2013 PPZ mula mewujudkan kaunter bergerak dengan menggunakan van sebagai medium perlaksanaannya.

Sehingga 2014, PPZ telah mempunyai 11 buah cawangan termasuk sembilan buah cawangan di Kuala Lumpur, dua buah di Putrajaya dan sebuah di Labuan. Perkembangan sebegini dijangka dapat membuka lebih banyak ruang dan peluang untuk memudahkan masyarakat mengeluarkan zakat sekali gus membantu meningkatkan jumlah zakat yang akan dipungut.

3. Penerbitan Buku Zakat

PPZ tidak pernah ketinggalan dalam mengeluarkan Buku Laporan Tahunan semenjak tahun 1992 sehinggalah tahun 2012 yang memuatkan pelbagai maklumat dan statistik berkenaan kutipan, aktiviti dan maklumat-maklumat penting. Maklumat yang terkandung melibatkan perkembangan dakwah zakat di Wilayah Persekutuan. Buku laporan PPZ akan disebarkan dan dihantar ke setiap institusi, badan yang berkaitan, juga kepada setiap perpustakaan negeri, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta Malaysia.

4. Kepelbagaian Saluran Penerimaan Pembayaran

Pendekatan inovatif serta penambahbaikan berterusan menghasilkan pelbagai pendekatan yang dapat memudahkan para *muzakki* (pembayar zakat) menunaikan kewajipan mereka. Sepanjang tempoh PPZ ditubuhkan, sedikit demi sedikit saluran baru diwujudkan antaranya ialah saluran potongan gaji (i.e. Skim Thohir), kaunter bank, kaunter pejabat pos, kaunter pelbagai ejen dilantik, internet portal dan sebagainya.

5. Saluran Internet

PPZ telah memperkenalkan portal terbaru di laman webnya untuk masyarakat mengenali perkhidmatannya dengan lebih cepat dan mudah. Di laman web <http://www.zakat.com.my>, pengguna boleh mendapatkan pelbagai maklumat zakat serta membuat pembayaran terus melaluinya. PPZ juga menggunakan media sosial Internet seperti Facebook bertujuan mendekati masyarakat dengan lebih pantas dan segera.

Secara umumnya, kutipan zakat yang meningkat di Wilayah Persekutuan disumbangkan oleh pelbagai faktor terutamanya usaha dakwah yang dijalankan sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Pihak PPZ dilihat telah menjalankan tugas mereka namun seharusnya mencari jalan baharu bagi meluaskan ilmu pengetahuan dan menyebarkannya kepada masyarakat dengan cara bekerjasama dengan pihak Baitulmal, MAIWP serta terus berusaha melakukan kempen turun pandang yang dilihat lebih dekat khususnya dalam kalangan penduduk setempat. Kerjasama daripada badan lain dan juga agensi kerajaan juga seharusnya diwujudkan dan digembleng bersama agar objektif penubuhan dan pelaksanaan syariat agama Islam ini kekal utuh.

AGIHAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

MAIWP merupakan badan yang bukan sahaja menguruskan Bahagian Baitulmal, malah turut bertanggungjawab terhadap pelbagai jawatankuasa di bawahnya serta menjadi pemilik kepada beberapa syarikat & yayasan. Selain Hartasuci Sdn Bhd (PPZ), organisasi lain milik MAIWP ialah Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd., Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd., Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. (PICOMS), Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, MAIWP Dagang Sdn. Bhd. dan Yayasan Kesihatan MAIWP. Oleh itu, pemilikan pelbagai organisasi menghasilkan pendapatan daripada sumber-sumber yang berlainan seperti dinyatakan dalam JADUAL 2 di bawah:

JADUAL 2 Pecahan Pendapatan kumpulan MAIWP 2012

Bil.	Jenis Pendapatan	2012	
		Jumlah (RM)	Peratus
1	Zakat	408,915,425	73.64%
2	Sewaan	2,831,769	0.51%
3	Keuntungan Pelaburan	10,887,207	1.96%
4	Syarikat	107,373,936	19.34%
5	Geran	17,001,431	3.06%
6	Lain-lain Pendapatan	8,293,883	1.49%
JUMLAH		555,303,651	100%

Sumber: Laporan Tahunan 2012 MAIWP

Hasil pelbagai sumber pendapatan ditunjukkan dalam Jadual 2 akan digunakan untuk perbelanjaan pelbagai sektor seperti di JADUAL 3 di bawah:

JADUAL 3 Pecahan Perbelanjaan Kumpulan MAIWP 2012

Bil.	Perbelanjaan Kumpulan	2012	
		Jumlah (RM Juta)	Peratus
1	Pengagihan Zakat	235,490,851	54.44%
2	Penyelenggaraan Bangunan	2,844,425	0.66%
3	Belian Inventori	24,126,422	5.58%
4	Kos Tenaga Pengajar & Perunding Perubatan	26,514,088	6.13%
5	Perkhidmatan lain	765,510	0.18%
6	Lain-lain perbelanjaan Pentadbiran	142,859,171	33.02%
JUMLAH		432,600,467	100%

Sumber: Laporan Tahunan 2012 MAIWP

Manakala perbelanjaan spesifik dana zakat boleh dilihat di JADUAL 4 seperti berikut:

JADUAL 4 Pecahan Penggunaan Dana Zakat MAIWP 2012

Bil.	Perbelanjaan Zakat	2012	
		Jumlah (RM Juta)	Peratus
1	Agihan Zakat Secara Langsung	271.97	67.79%
2	Belanja Pengurusan	54.15	13.50%
3	Harta Modal	12.47	3.11%
4	Projek Pembangunan	62.60	15.60%
JUMLAH		401.19	100%

Sumber: Laporan Tahunan 2012 MAIWP

Merujuk kepada JADUAL 4, dapat dirumuskan hasil daripada kutipan zakat akan digunakan bukan sahaja pemberian kepada asnaf secara langsung, malah kepada pelbagai lagi bahagian yang dijangka boleh membawa lebih banyak pendapatan berterusan kepada asnaf. Agihan zakat secara langsung seperti di Jadual 4 merupakan agihan zakat yang dibuat menerusi 28 skim agihan zakat di Baitulmal MAIWP dan perbelanjaan di institusi

berbentuk pendidikan MAIWP. Melihat pecahan agihan zakat secara langsung adalah seperti di JADUAL 5:

JADUAL 5 Pecahan Agihan Zakat Secara Langsung 2012

Bil.	Agihan Zakat Secara Langsung	2012	
		Jumlah (RM)	Peratus
1	Agihan Zakat Menerusi 28 Skim Bantuan	222,924,113	81.97%
2	Agihan Semula Zakat Oleh Pihak Ke-3	13,529,228	4.97%
3	Upah Amil (PPZ dan amil zakat fitrah)	25,806,642	9.49%
4	Pengurusan Institut Kemahiran Baitulmal	3,251,664	1.20%
5	Pengurusan Institusi Darul Kifayah	2,588,864	0.95%
6	Pengurusan Tadika Islam	3,508,626	1.29%
7	Pengurusan Taska Darul Hanan	47,452	0.02%
8	Pengurusan Sek Men Integrasi Sains Tahfiz MAIWP (SMISTA)	311,009	0.11%
JUMLAH		271,967,597	100.00%

Sumber: Laporan Tahunan 2012 MAIWP

Bahagian Baitulmal MAIWP telah mewujudkan 28 jenis skim bantuan yang telah memberi manfaat kepada 85,957 orang pada tahun 2012 (Laporan Tahunan 2012 MAIWP). Bantuan ini disalurkan kepada pemohon-pemohon melalui kaunter Bahagian Baitulmal. Skim-skim berkenaan ialah Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Dermasiswa, Bantuan Perniagaan, Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi, Bantuan Membina / Membaiki Rumah / Deposit Rumah, Bantuan Ibnu Sabil, Bantuan Segera, Bantuan Al-Riqab, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Pelajar IPB, Bantuan Kepada NGO & Institusi Pendidikan, Bantuan Ramadhan, Bantuan Perubatan, Bantuan Perkahwinan, Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin), Bantuan Musibah, Bantuan Biasiswa / Insentif Khas Pelajar Cemerlang, Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan, Bantuan Tuisyen, Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran, Bantuan Pertanian, Bantuan Deposit Van / Bas Sekolah, Bantuan Deposit Membeli Motosikal OKU, Bantuan Pelajar PICOMS, Bantuan Guaman Syarie, Bantuan Persediaan IPT, dan Bantuan Takaful Asnaf. Pada tahun 2012 Skim Bantuan Kewangan Bulanan mencatatkan jumlah agihan berjumlah RM62,769,024 dengan penerima manfaat kepada 17,391 buah keluarga melihatkan kemampuan pihak MAIWP untuk mengenal pasti lebih ramai yang layak menerusi beberapa program seperti turun padang dan kerjasama MAIWP dengan agensi kerajaan lain (Laporan Tahunan 2012 MAIWP).

Bahagian Baitulmal MAIWP membuat ketetapan untuk memastikan dana zakat yang diberikan hanya kepada yang layak (asnaf) dengan menilai status had kifayah pemohon. Umumnya, had kifayah merujuk kepada suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. Had ini juga digunakan bagi mengetahui kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi. Penilaian yang dibuat oleh Baitulmal MAIWP dalam menentukan had kifayah merangkumi enam aspek keperluan asas iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan (Buku Panduan Proses Permohonan Skim-skim Bantuan Baitulmal MAIWP). Berdasarkan pengiraan had kifayah, pihak Baitulmal dapat menentukan penerima bantuan mengikut kategori jenis asnaf yang lapan. Berikut menunjukkan agihan zakat secara langsung mengikut jenis asnaf:

JADUAL 6 Pecahan Agihan Zakat Secara Langsung Mengikut Asnaf 2012

Bil.	Jenis Asnaf	2012		2011	
		Jumlah (RM Juta)	Peratus	Jumlah (RM Juta)	Peratus
1	Fakir	64,262,422	23.6%	56,837,760	23.0%
2	Miskin	65,105,757	23.9%	58,526,035	23.7%
3	Amil	25,899,122	9.5%	27,807,763	11.3%
4	Muallaf	6,324,973	2.3%	6,642,566	2.7%
5	Al-Gharimin	2,618,557	1.0%	3,770,992	1.5%
6	Ibnu Sabil	417,506	0.2%	2,145,720	0.9%
7	Fisabilillah	107,339,260	39.5%	90,975,847	36.9%
8	Ar-Riqab	-	-	-	-
JUMLAH		271,967,597	100.0%	246,706,683	100.0%

Sumber: Laporan Tahunan 2012 MAIWP

Berdasarkan JADUAL 6, asnaf *fisabilillah* mencatatkan jumlah agihan tertinggi dalam tahun 2011 dan 2012 sehingga hampir mencecah 40% daripada jumlah keseluruhan. Ini dapat dijangka kerana kebanyakan skim bantuan agihan sama ada secara langsung atau tidak langsung melibatkan unsur pendidikan. Perkara ini disokong oleh MAIWP yang telah meluaskan lagi definisi asnaf *fisabilillah* dengan berpandukan takrif asnaf daripada Mesyuarat Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-51. Bahagian agihan asnaf yang terbanyak kemudian diikuti oleh asnaf fakir dan miskin masing-masing dalam sekitar 23% daripada keseluruhan jumlah agihan zakat.

Agihan zakat di Wilayah Persekutuan bukan sahaja diberikan secara langsung, malah turut dibelanjakan secara tidak langsung yang dijangka dapat memberi manfaat kepada lebih ramai umat Islam. Agihan zakat secara tidak langsung melibatkan pembinaan dan pengurusan institut pendidikan, pembinaan dan pengurusan pusat kesihatan, pengurusan harta wakaf, peruncitan dan perniagaan, tanggungan pengurusan institut kebajikan dan sosial, pembinaan surau dan masjid (Harian Metro, 9 Mac 2014).

OPERASI MEMPERKASAKAN AGIHAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Bagi meningkatkan prestasi agihan zakat setiap tahun, Baitulmal MAIWP telah menjalankan usaha-usaha berikut:

1. Projek-projek Agihan Zakat
MAIWP telah menubuhkan anak syarikat yang bertujuan memberi perkhidmatan dan latihan kepada asnaf. Usaha digiatkan dengan menyalurkan dana zakat kepada institusi pelaksana seperti Hospital PUSRAWI dan institusi pendidikan di bawah MAIWP. Antara lain, Bahagian Baitulmal MAIWP juga mengadakan majlis agihan zakat untuk mempromosikan kepelbagaian agihan zakat kepada asnaf. Promosi ini diharapkan dapat menyebarkan maklumat pada masa yang sama meningkatkan keberkesanan agihan zakat.
2. Mengkaji skim dan jumlah agihan secara berkala
Setiap 5 tahun MAIWP akan mengkaji skim-skim bantuan sedia ada dengan mengambil kira had kifayah dan taraf kehidupan yang semakin meningkat. Dalam kajian yang dilakukan, semakan semula akan dibuat kepada skim-skim sedia ada dan merancang mewujudkan skim-skim agihan baru bersesuaian dengan keperluan semasa (M. Yamin Ismail 2007)
3. Pembangunan Hartanah dan Pelaburan
MAIWP sehingga tahun 2012 memiliki hartanah berkeluasan 385.32 ekar merangkumi tanah masjid, sekolah rendah agama, surau, bangunan, rumah dan kedai. Aktiviti-aktiviti projek pembinaan dan pembangunan akan diteruskan sebagai cara mengagihkan zakat secara tidak langsung kepada masyarakat umum. MAIWP juga melaksanakan program aktiviti pelaburan terutamanya dalam instrumen kewangan yang terdiri daripada simpanan tetap dan pelaburan di institusi kewangan berlesen. Pelaburan yang dibuat sudah tentu untuk meningkatkan sumber kewangan MAIWP dan mengembangkan dana zakat bagi faedah asnaf-asnaf di Wilayah Persekutuan serta membantu meningkatkan ekonomi dan pembangunan ummah.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Meskipun telah banyak usaha-usaha yang dijalankan, kajian mendapati pelbagai isu-isu timbul terutamanya melalui komen yang telah dinyatakan sebelum ini. Sungutan-sungutan orang ramai mampu memberi impak negatif kepada industri zakat itu sendiri. Justeru dicadangkan beberapa langkah yang boleh diambil dari dua aspek iaitu aspek kutipan zakat dan agihan zakat:

Aspek Kutipan

1. Walaupun kutipan zakat dilihat berkembang maju dengan cemerlang, namun masih terdapat beberapa sudut yang boleh ditambah baik. Antaranya pengenalan kepada sumber zakat baru (*al-mustaghallat*) dengan melihat kepada pelbagai instrumen pelaburan dan kewangan baru yang muncul akhir-akhir ini. Seterusnya mewujudkan persoalan-persoalan tentang metode pengiraan zakat bagi pelaburan tersebut. PPZ seharusnya bersedia dengan jawapan berserta kaedah bagi memenuhi keperluan tuntutan umat Islam menunaikan zakat. Keperluan ini juga didorong oleh tahap kesedaran umat Islam yang meningkat memahami kepentingan menyucikan harta mereka dengan berzakat.
2. PPZ seharusnya bekerjasama dengan Baitulmal MAIWP dalam menyebarkan dakwah zakat. Ini sekali gus mampu meningkatkan keyakinan masyarakat untuk kekal membayar zakat kepada pihak berwajib. Kelebihan di Malaysia, pembayar yang membayar zakat kepada badan berkuasa layak mendapat rebat cukai pendapatan. Manfaat sebegini boleh dijadikan sebagai modal promosi zakat. Di samping itu juga, maklumat berkenaan usaha-usaha agihan seharusnya dikongsi bersama supaya masyarakat umum menyedari dan mengetahui ke mana wang zakat yang dibayar itu disalurkan.

Agihan Zakat

1. Zakat bukan sahaja akan diserahkan kepada asnaf fakir dan miskin, malah turut juga digunakan untuk enam lagi asnaf yang lain. Di samping itu sebahagian dana akan turut juga dibuat pelaburan bertujuan menambah sumber pendapatan berterusan kepada kumpulan dana asnaf. Namun usaha-usaha sebegini kurang diuar-uarkan kepada masyarakat umum mengakibatkan wujudnya sikap sangsi (*skepticism*) masyarakat terhadap segala usaha yang dijalankan oleh badan agihan zakat. Justeru pihak MAIWP seharusnya mengambil inisiatif mengadakan kempen agihan zakat dengan mengambil manfaat kemudahan teknologi sedia ada. Bukan sahaja promosi di media cetak, malah MAIWP seharusnya menyalurkan maklumat melalui medan media sosial yang jauh lebih pantas daripada medium lain serta membuka ruang menerima komen-komen dari orang awam.

2. Tujuan utama pengagihan zakat adalah untuk membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup penerima zakat. Namun, jumlah tanggungan yang dihadapi sekarang berbeza dengan tahun-tahun yang terdahulu disebabkan pelbagai faktor ekonomi. Lantas, wujudlah beberapa teguran yang menyatakan bantuan zakat yang diberi tidak memadai. Oleh itu, semakin semula skim-skim bantuan serta pengiraan had kifayah seharusnya dipertingkatkan dengan mewujudkan jawatankuasa penyelidikan yang dikhususkan menjalankan kajian. Penubuhan jawatankuasa sebegini berkebolehan menyumbang kepada maklumat-maklumat dan hasil-hasil kajian terkini yang menggambarkan status ekonomi dan taraf hidup masyarakat semasa sekali gus menjadikan agihan zakat lebih efektif dan berkesan.
3. Baitulmal seharusnya menggiatkan lagi aktiviti pengagihan zakat melalui kaedah turun padang di mana lebih mendekati golongan asnaf yang mengalami kekurangan akses ke pejabat-pejabat zakat. Walaupun usaha ini telah pun bermula dengan penubuhan Skuad Jejak Asnaf yang telah dilancarkan pada Februari 2012 (Laporan Tahunan 2012 MAIWP), namun modus operandi yang lebih komprehensif seharusnya dirancang serta dilaksanakan dengan segera. Dicadangkan supaya pihak MAIWP mewujudkan organisasi sayap khas yang terlatih dan mempunyai objektif dan hala tuju yang tersendiri dalam menjalankan kerja-kerja pencarian asnaf. Organisasi tersebut seharusnya berkebolehan membuat tindakan susulan apabila menerima aduan daripada Badan-badan Kerajaan, NGO atau masyarakat mengenai penduduk Wilayah yang perlu dibantu. Organisasi ini juga mestilah berkebolehan melakukan aktiviti turun padang menjejaki penduduk yang masih memerlukan bantuan dengan melihat keperluan dan jenis bantuan yang boleh disalurkan.
4. Pengagihan zakat seharusnya dilaksanakan secara menyeluruh. Ini kerana matlamat pengagihan zakat kepada golongan asnaf ialah untuk menolong, membantu, membina dan membangun kehidupan mereka melalui bantuan material bagi keperluan asas dan keperluan yang lain. Usaha ini perlu dilaksanakan untuk menjadikan zakat lebih komprehensif yang mana peluang memperoleh terbuka kepada semua golongan miskin dan asnaf yang lain serta terjamin dan berkesinambungan dari segi dananya, mudah diperoleh tanpa cagaran, di samping pemantauan yang lebih prihatin, dan seterusnya berpeluang menjadi sumber dana secara global mengikut keperluan semasa. Langkah perlu diambil agar zakat dapat menjadi sumber lebih produktif dan memberi impak yang besar kepada golongan fakir dan miskin serta asnaf lain. Salah satu langkah yang boleh dilakukan ialah menjadikan zakat sebagai salah satu sumber pinjaman berbentuk mikro kepada semua golongan asnaf yang layak yang berpotensi mengeluarkan diri mereka sendiri dari kepompong asnaf.

KESIMPULAN

Secara umumnya, pelaksanaan kutipan dan pengagihan zakat di Wilayah Persekutuan dilihat beroperasi dengan baik. Ini jelas dilihat dari jumlah pungutan zakat dan bilangan pembayar yang dilaksanakan oleh PPZ semakin meningkat setiap tahun. PPZ hendaklah mempergiatkan usaha pencarian dan penyelidikan dalam hasil sumber-sumber zakat agar kutipan zakat akan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Begitu juga, kempen-kempen dan dakwah zakat hendaklah diusahakan dengan lebih giat agar kewajipan mengeluarkan zakat ini didengari oleh setiap umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.

Aspek agihan zakat oleh pihak Baitulmal MAIWP pula jelas menggambarkan jumlah agihan dan penerima manfaat zakat yang semakin meningkat setiap kali laporan diumumkan. Namun, usaha-usaha yang dijalankan dilihat masih tidak mampu membuahkan hasil yang maksimum kepada golongan asnaf, dengan terpaparnya berita-berita gelandangan dan kemiskinan yang terus menerus menjadi tajuk dalam media massa. Justeru, cadangan-cadangan penambahbaikan seperti mempergiatkan usaha penyaluran maklumat agihan kepada masyarakat, mengkaji semula had kifayah semasa, mewujudkan organisasi khas pencarian asnaf serta meneruskan usaha pengagihan zakat secara menyeluruh seharusnya dipertimbangkan dan diaplikasi agar objektif penubuhan Baitulmal MAIWP itu tercapai.

Organisasi zakat juga hendaklah selalu sensitif kepada perkembangan semasa dan sentiasa mencari kaedah terbaik supaya wang zakat dapat dikutip lebih banyak, dan diagihkan dengan lebih efektif. Diharap dengan usaha-usaha yang berterusan dapat mengukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap badan zakat yang diamanahkan, seterusnya memajukan taraf hidup dan ekonomi umat Islam.

RUJUKAN

- A. Hidayat Buang. 1999. *Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian*. Jurnal Syariah Jilid 7, Bil. 2, 1999: 141-156.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993, Akta 505.
- Amir Husin M.Nor. 2009. *Peningkatan Kutipan Zakat Di Malaysia: Analisa Faktor*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol. 4, No. 2, 2010:79-94.
- Laporan Tahunan MAIWP. 2012. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
- Laporan Zakat PPZ-MAIWP. 2012. Pusat Pungutan Zakat, MAIWP.

MAIWP. Zakat Bukan Sekadar Bantuan Fakir. *Harian Metro*, 9 Mac 2014: 32-33.

MAIWP.gov.my. Buku Panduan Proses Permohonan Skim-Skim Bantuan Baitulmal MAIWP. 10 Mac 2014. Dicapai pada 10 Mac 2014 di <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/muat-turun/category/24-buku-terbitan?download=63:buku-bantuan-baitulmal>.

M. Rais Alias. 2004. *Strategi Kutipan Zakat Di Kuala Lumpur, Malaysia. Kertas Kerja Zakat Awards 2004*, Institut Manajemen Zakat, Dompot Dhuafa Republika, 21 Oktober 2004.

M. Yamin Ismail. 2007. Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Persekutuan (MAIWP), *Jurnal Pengurusan JAWHAR* Vol.1, No. 2, 2007: 45-52.

Al-Qardhawi, Yusuf. 2011. *Fiqh al-Zakah*. Islamic Book Trust: Kuala Lumpur

Ram Al Jaffri Saad. 2013. Dana zakat dan Melayu Islam muflis. *Malaysian Insider*, 20 Disember 2013. Dicapai pada 11 Mac 2014 di <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/dana-zakat-dan-melayu-islam-muflis-ram-al-jaffri-saad#When:03:22:14Z>

Rejal Arbee. 2013. Tidak harus ada fakir miskin keciciran bantuan. *Berita Harian*, 1 Ogos 2013: 31